

23 NOV 1997

MAHATHIR BERLEPAS UNTUK SIDANG KEMUNCAK APEC

KUALA LUMPUR, 23 Nov -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas hari ini ke Vancouver untuk menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) Kelima esok.

Perdana Menteri diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa menteri kabinet berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah untuk menyaksikan Perdana Menteri berlepas.

Di Vancouver, hari ini, Dr Mahathir dijadual memberikan ucapan penting berkaitan kerjasama kerajaan dan swasta bagi pembangunan ekonomi.

Esok, beliau dijadual menghadiri sidang kemuncak Apec dan dialog dengan Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC), manakala pada hari Selasa beliau akan menyertai pemimpin-pemimpin lain beristirehat di Muzium Antropologi, University of British Columbia.

Apec mengandungi 18 negara -- Australia, Brunei, Kanada, China, Chile, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Mexico, Papua New Guinea, Filipina, Malaysia, New Zealand, Singapura, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

Dr Mahathir dijadual berlepas dari Vancouver pada hari Rabu bagi lawatan dua hari ke Jepun. -- BERNAMA

AFY RI RON